**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEMBANTU PEMULIHARAAN**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **SOSIAL** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PELAKSANA** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **S19, S22, S26, S28** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JANUARI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,352.00); atau

   (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,408.40); atau

   (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,464.80).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED S22**

10. Pembantu Pemuliharaan Gred S19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pemuliharaan Gred S22 yang kosong apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED S26**

11. Pembantu Pemuliharaan Gred S22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pemuliharaan Gred S26 yang kosong apabila telah:

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED S28**

12. Pembantu Pemuliharaan Gred S26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pemuliharaan Gred S28 yang kosong apabila telah:

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI ARKIB GRED S29, PENOLONG PUSTAKAWAN GRED S29 ATAU PENOLONG PEGAWAI PENERBITAN GRED N29**

13. Pembantu Pemuliharaan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Arkib Gred S29, Penolong Pustakawan Gred S29 atau Penolong Pegawai Penerbitan Gred N29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Pemuliharaan yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2013).